


Penyelesaian masalah unit panjang, jisim dan isi padu cecair (1 Okt 2021 – Jumaat)

NOTA RINGKAS :



LATIHAN : SELESAIKAN YANG BERIKUT.

UPSR KERTAS 1

1. $6\frac{1}{5}$ kg =

- A 6 020 g
C 6 200 g

- B 6 150 g
D 6 500 g

Jawapan :

2. Tukarkan 3 m 7 cm kepada cm.

- A 307
C 3 007

- B 370
D 3 070

Jawapan :

3. Tukarkan $2\frac{3}{8}$ l kepada mililiter.

- A 2 375
C 2 500

- B 2 380
D 2 830

Jawapan :

10. $6\frac{3}{5}$ kg ÷ 40 =

- A 180 g
B 165 g
C 18.0 g
D 16.5 g

Jawapan :

11. Penukaran unit manakah yang betul?

- A 405 g = 4.05 kg
B 2 070 g = 2.7 kg
C $3\frac{4}{5}$ kg = 3 800 g
D 12 kg 60 g = 12 600 g

Jawapan :

4. $3\frac{4}{5} \ell - 0.95 \ell =$

KLON UPSR 2019

- A 2 150 ml B 2 850 ml
C 3 050 ml D 3 150 ml

Jawapan :

5. $4\frac{2}{5} \ell - 50 \text{ ml} =$

- A 3.4 ℓ
B 4.15 ℓ
C 4.2 ℓ
D 4.35 ℓ

Jawapan :

6. $9 \times 1\frac{3}{5} \text{ km} = \text{---} \text{ m}$

KLON UPSR 2019

- A 1 215 B 1 440
C 12 150 D 14 400

Jawapan :

7. $6\frac{1}{5} \text{ m} \div 2 =$

KLON UPSR 2018

- A 3 m 1 cm B 3 m 5 cm
C 3 m 10 cm D 3 m 25 cm

Jawapan :

8. $18 \times 3\frac{1}{4} \text{ kg} = \text{---} \text{ g}$

KLON UPSR 2017

- A 58 500 B 56 700
C 5 850 D 5 670

Jawapan :

9. $5.2 \ell - \frac{1}{4} \ell - 837 \text{ ml} =$

KLON UPSR 2017

- A 4 827 ml B 4 723 ml
C 4 123 ml D 4 113 ml

Jawapan :

12. Jadual di bawah menunjukkan isi padu air di dalam bekas J dan L. Isi padu air di dalam bekas K tidak ditunjukkan.

KLON UPSR 2019

Bekas	Isi padu	Jumlah
J	0.74 ℓ	2.8 ℓ
K		
L	$1\frac{3}{4} \ell$	

Hitung isi padu, dalam ml, air di dalam bekas K.

- A 720 B 610
C 490 D 310

Jawapan :

13. Berikut adalah perbandingan panjang reben P, Q, R dan S.

KLON UPSR 2017

Reben P lebih panjang daripada R tetapi lebih pendek daripada S.
Reben P lebih pendek daripada Q.
Reben Q lebih panjang daripada S.

Reben manakah yang paling panjang?

- A P
B Q
C R
D S

KBAT Menganalisis

Jawapan :

14. $3\frac{2}{5} \ell + \text{---} = 6 \ell 80 \text{ ml}$

- A 2.68 ℓ B 3.04 ℓ
C 3.40 ℓ D 3.48 ℓ

Jawapan :

15. Jisim John ialah 64.3 kg. Jisim Imran pula 850 g lebih daripada jisim John. Hitung jumlah jisim, dalam kg, mereka berdua.

KLON UPSR 2017

- A 65.15 B 72.8
C 129.45 D 137.1

Jawapan :

18. Alias membeli 2 kg ciku, $1\frac{2}{5} \text{ kg}$

KLON UPSR 2016

manggis dan $3\frac{1}{2} \text{ kg}$ rambutan. Berapakah jumlah jisim, dalam kg, buah-buahan yang dibelinya?

- A $5\frac{3}{10}$ B $5\frac{9}{10}$
C $6\frac{3}{10}$ D $6\frac{9}{10}$

Jawapan :

16. Jadual di bawah menunjukkan catatan jarak lompatan jauh bagi tiga orang peserta.


Peserta	Jarak
Ben	2.53 m
Amir	0.4 m lebih jauh daripada Ben
Remy	1.17 m lebih dekat daripada Amir

Berapakah jarak, dalam m, lompatan Remy?

- A 1.74 B 1.76
C 1.84 D 1.86

Jawapan :

17. Rajah di bawah menunjukkan kedudukan empat buah bandar, P, Q, R dan S.




Jarak dari Q ke S adalah $2\frac{1}{8}$ km lebih panjang daripada jarak P ke Q. Jarak dari Q ke R adalah 5 kali jarak dari Q ke S. Hitung jarak, dalam km dan m, dari Q ke R.

- A 61 km 500 m
B 58 km 400 m
C 58 km 225 m
D 58 km 125 m

Jawapan :

19. Rajah di bawah menunjukkan jisim beberapa biji mangga di atas sebuah penimbang.




Aishah menambah dua biji mangga lagi ke atas penimbang itu. Jisim bagi dua biji mangga itu ialah $\frac{2}{5}$ kg dan 180 g.

Hitung jumlah jisim, dalam kg, kesemua buah mangga itu.

- A 1.58 kg B 1.78 kg
C 1.89 kg D 1.98 kg

Jawapan :

20. Rajah di bawah menunjukkan sebuah bekas M dan sebuah botol N.



Joyce hendak mengisi $2\frac{3}{4}$ l air ke dalam bekas M dengan air di dalam beberapa botol N. Berapakah bilangan botol N yang diperlukan?

- A 45
C 55

- B 50
D 60

KBAT Mengaplikasi

Jawapan :